

٧١ - بَابُ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ لِلْمُسَافِرِ وَالْمُقِيمِ

71 - Bab (Hukum) Menyapu Kedua Khuff Bagi Musafir Dan Bukan Musafir.⁸⁶⁴

٩٥- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ سَعِيدِ بْنِ مَسْرُوقٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيِّ عَنْ عَمْرِو بْنِ مَيْمُونٍ عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيِّ عَنْ خُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ سُئِلَ عَنِ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ فَقَالَ لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةٌ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمٌ.

وَذَكَرَ عَنْ يَحْيَى بْنِ مَعِينٍ أَنَّهُ صَحَّحَ حَدِيثَ خُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ فِي الْمَسْحِ وَأَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيُّ اسْمُهُ عَبْدُ بْنُ عَبْدِ وَيُقَالُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ.

قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَفِي الْبَابِ عَنْ عَلِيٍّ وَأَبِي بَكْرَةَ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَصَفْوَانَ بْنِ عَسَالٍ وَعَوْفِ بْنِ مَالِكٍ وَابْنِ عُمَرَ وَجَرِيرٍ.

95- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu 'Awānah meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id bin Masruq (ayah Sufyan ats-Tsauri) daripada Ibrahim at-Taimi daripada 'Amar bin Maimun⁸⁶⁵ daripada Abi 'Abdillah al-Jadali⁸⁶⁶ daripada Khuzaimah bin Tsabit daripada Nabi s.a.w., bahawasanya Baginda ditanya tentang (selama mana boleh) meyapu khuf, jawab Baginda s.a.w.: "Tiga hari untuk orang dalam perjalanan (musafir) dan satu hari untuk orang yang bermukim (tidak bermusafir)."⁸⁶⁷

⁸⁶⁴ Seluruh umat Islam bersepakat tentang keharusan menyapu kedua khuf (dalam berwudhu') bagi musafir dan bukan musafir. Cuma ada satu riwayat Ibnu al-Qasim daripada Malik yang hanya mengharuskan sapu khuf kepada musafir sahaja, tidak kepada bukan musafir. (Lihat Bulghatu as-Sālik j.1 m/s 58). Tetapi riwayat itu tidak juga menjadi rujukan fatwa dalam mazhab Malik. Tiada siapa pun dari kalangan 'ulama' Malikiyyah berfatwa dengannya.

⁸⁶⁵ al-Audi al-Kufi. Seorang perawi mukhadhram (orang yang sempat dengan zaman Jahiliyah sebelum Islam dan zaman Nabi s.a.w., tetapi tidak pernah bertemu Baginda s.a.w.) yang masyhur, tsiqah lagi 'abid. Beliau menetap di Kufah, dan meninggal dunia pada tahun 64 Hijrah.

⁸⁶⁶ Beliau dinisbahkan kepada Jadilah iaitu satu puak daripada qabilah Thayyi'.

⁸⁶⁷ Di dalam riwayat Abu Daud tersebut: لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ (Untuk musafir tiga hari dan untuk tidak musafir sehari semalam). Maksudnya ialah untuk musafir tiga hari tiga malam.

Disebutkan daripada Yahya bin Ma'in bahawa beliau mensahihkan hadits Khuzaimah bin Tsabit mengenai sapu khuf (dalam berwudhu'). Dan nama sebenar) Abu 'Abdillah al-Jadali ialah 'Abd bin 'Abd, dia juga dipanggil 'Abdur Rahman bin 'Abd.⁸⁶⁸

Abu 'Isa berkata: "Ini adalah hadits hasan sahih,⁸⁶⁹ dalam bab ini ada juga riwayat daripada 'Ali,⁸⁷⁰ Abu Bakrah,⁸⁷¹ Abu Hurairah,⁸⁷² Shafwan bin 'Assāl,⁸⁷³ 'Auf bin Malik,⁸⁷⁴ Ibnu Umar⁸⁷⁵ dan Jarir⁸⁷⁶."

٩٦- حَدَّثَنَا هَذَا حَدَّثَنَا أَبُو الْأَخْوَصِ عَنْ عَاصِمِ بْنِ أَبِي النَّجُودِ عَنْ زَيْدِ بْنِ حُبَيْشٍ عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا سَفَرًا أَنْ لَا نَنْزِعَ خِفَافَنَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ.

⁸⁶⁸ Hafizh Ibnu Hajar di dalam at-Taqrīb berkata, "Abu 'Abdillah al-Jadali, namanya 'Abd atau 'Abdur Rahman bin 'Abd, tsiqah. Dia dikatakan berfahaman Syi'ah dan dia termasuk dalam kibār thabaqah ke-3."

⁸⁶⁹ Abu Daud, Ibnu Majah dan lain-lain juga meriwayatkannya.

⁸⁷⁰ Hadits 'Ali diriwayatkan oleh Muslim melalui saluran Syuraih bin Hāni', katanya: Aku bertanya 'Ali bin Abi Thalib tentang (selama mana boleh) menyapu kedua khuf (dalam berwudhu'). Beliau menjawab:

جَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ لِلْمُسَافِرِ وَيَوْمًا وَلَيْلَةً لِلْمُقِيمِ

Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. menentukan (tempohnya selama) tiga hari tiga malam untuk musafir, dan sehari semalam untuk tidak musafir."

⁸⁷¹ Hadits Abu Bakrah diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah, ad-Daaraquthni dan al-Atsram di dalam Sunannya. Kata al-Khatthābi, isnadnya sahih. Demikianlah disebutkan di dalam al-Muntaqa. Lafaz riwayatnya ialah:

رَخَّصَ لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمًا وَلَيْلَةً إِذَا تَطَهَّرَ فَلَيْسَ خُفَيْهِ أَنْ يَمْسَحَ عَلَيْهِمَا

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. membenarkan menyapu kedua khuf (dalam berwudhu') untuk musafir selama tiga hari tiga malam, untuk tidak musafir pula sehari semalam, apabila ia telah bersuci lalu memakai kedua khufnya.

⁸⁷² Hadits Abu Hurairah diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan al-Bazzaar.

⁸⁷³ Hadits Shafwan bin 'Assāl diriwayatkan oleh Tirmidzi.

⁸⁷⁴ Hadits 'Auf bin Malik diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bazzaar dan at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath.

⁸⁷⁵ Hadits Ibnu 'Umar diriwayatkan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath juga.

⁸⁷⁶ Hadits Jarir diriwayatkan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath dan al-Mu'jam al-Kabīr.